

# PERPUSTAKAAN

## UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:-

### **Perpustakaan (Kampus Induk)**

Tel : 6088 - 320 000  
Samb : 2219 / 2240 / 2274 / 2201  
Faks : 6088 - 320 232  
E-mel : library\_info@ums.edu.my, [palibrary@ums.edu.my](mailto:palibrary@ums.edu.my)

### **Pejabat Am**

#### **Perpustakaan (Cawangan Perubatan dan Hospital)**

Tel : 6088 - 320 000  
Samb : 611113  
Faks : -  
E-mel : medlib@ums.edu.my

### **Pejabat Am**

#### **Perpustakaan (Kampus Antarabangsa Labuan)**

Tel : 6087 - 503 000  
Samb : 401500  
Faks : 6087 - 465 157  
E-mel : librarykal@ums.edu.my

### **Pejabat Am**

#### **Perpustakaan (Kampus Sandakan)**

Tel : 6089-634000  
Samb : 300301  
Faks : 6089-634101  
E-mel : pumsks@ums.edu.my

## VISI

Ke arah Perpustakaan yang dinamik dan mampan

## MISI

Memperkasakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan bagi menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan dalam usaha mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu melalui pembangunan koleksi yang dinamik dan infrastruktur yang kondusif.

## FALSAFAH

Membina masyarakat terpelajar, cemerlang dan berbudaya maju yang berteraskan kepada penguasaan dan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan melalui amalan pembacaan dan pembelajaran sepanjang hayat.

# PERPUSTAKAAN

## OBJEKTIF

1. Memantapkan koleksi bahan dan maklumat yang berkualiti sejajar dengan kehendak pelanggan .
2. Menyediakan perkhidmatan yang efisien, efektif dan mesra pelanggan .
3. Menyediakan infrastruktur yang kondusif sejajar dengan *trend* semasa.
4. Memupuk budaya ilmu di kalangan warga universiti dan masyarakat sekitar.
5. Menjadi hub rujukan pembelajaran dan penyelidikan di Universiti Malaysia Sabah (UMS)

## PENGENALAN

Universiti Malaysia Sabah (UMS) memainkan peranan yang penting dalam membantu universiti menghasilkan sebuah komuniti ilmunan khususnya dikalangan pelajar, ahli akademik, penyelidik dan warga universiti secara amnya. Perpustakaan UMS merupakan sebuah Pusat Maklumat dan Ilmu Pengetahuan untuk menyokong proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan inovasi serta penerbitan di universiti. Selaras dengan visinya iaitu "Ke arah Perpustakaan yang dinamik dan mampan", maka Perpustakaan UMS dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk membangun dan memajukan kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan universiti dan juga memberi kepuasan kepada pengguna. Ia termasuklah usaha-usaha memantapkan koleksi bahan dan sumber maklumat, menambahbaik kualiti kemudahan, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, dan meluaskan akses atau kebolehcapaian kepada maklumat yang diperlukan.

Ribuan buku boleh didapati di Perpustakaan UMS dalam pelbagai bidang. Kebanyakan daripada bahan tersebut adalah berkaitan dengan kursus yang ditawarkan di UMS. Terdapat ribuan maklumat dan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang yang boleh diakses secara elektronik selama 24 jam sehari dan 7 hari seminggu. Antaranya ialah langganan pangkalan data elektronik yang mengandungi jurnal teks penuh dan juga buku elektronik. Ia boleh diakses secara meluas pada bila-bila masa dan di mana jua melalui Web OPAC dan juga Laman Web Perpustakaan (URL: <http://webvirtua.ums.edu.my/>).

Koleksi khas seperti Koleksi Perdana, Koleksi Nobel Laureate, Koleksi Aseana+3, Koleksi Kanak-kanak dan Koleksi American Corner juga boleh didapati di Perpustakaan UMS.

Sebagai tambahan, Perpustakaan UMS mempunyai koleksi digital Repositori Institusi UMS. Arkib digital ini mengandungi teks penuh kepada bahan dan hasil penulisan dan penerbitan UMS seperti latihan ilmiah, laporan tahunan, artikel, buku, persidangan/ bahan bengkel, keratan akhbar, teks ucapan, tesis, berita UMS, laporan penyelidikan dan bab dalam buku. Ianya boleh diakses secara elektronik melalui <http://eprints.ums.edu.my>.

Perpustakaan UMS turut memperluaskan perkhidmatan ke lokasi cawangan iaitu Perpustakaan Kampus Antarabangsa Labuan, Perpustakaan Perubatan, Perpustakaan Multimedia FKJ, Perpustakaan Kampus Sandakan dan Blok Klinikal Sikuati.

Perpustakaan UMS juga sentiasa memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan perpustakaan - perpustakaan tempatan termasuk juga perpustakaan luar negara bagi tujuan perkongsian sumber ilmu dan maklumat. Ia dapat membantu menyediakan bahan

# PERPUSTAKAAN

bacaan yang tiada di dalam koleksi tetapi diperlukan, melalui perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP).

Selain itu, terdapat juga perkongsian pangkalan data di kalangan Perpustakaan Universiti Tempatan yang boleh diakses secara online begitu juga pengesanan bahan dan maklumat, seperti Pangkalan Data Tesis (MYTO), Senarai Induk Bahan Bersiri (MyULIS), Sumber Sumber Internet (MGIR) dan juga Koleksi Penerbitan Universiti (MURC). Pengguna boleh mengaksesnya melalui i-Portal Malaysian University Libraries & National Library Network (MyUniNet) di [http://perpun.upm.edu.my/myuninet\\_v2/](http://perpun.upm.edu.my/myuninet_v2/).

## KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

Dengan menggunakan Sistem Maklumat Perpustakaan (Virtua), proses pencarian bahan dan maklumat dapat dilakukan secara atas talian melalui WebOPAC 24 jam, 7 hari seminggu. Proses pinjaman, pemulangan, pembaharuan pinjaman serta tempahan buku dapat dilakukan secara layan diri tanpa perlu beratur di kaunter.

Peti Pemulangan Buku 24 Jam boleh digunakan bagi memulangkan buku pinjaman pada bila-bila masa selepas waktu operasi perpustakaan. Penyediaan Bilik Bacaan 24 Jam membolehkan proses pembelajaran berlangsung pada setiap masa. Manakala, kemudahan 26-unit komputer berteknologi thin client dan internet, serta kemudahan *wireless*, boleh merancakkan lagi proses pembelajaran dan penyelidikan. Kemudahan lain seperti surau juga turut disediakan untuk pengguna perpustakaan.

Kakitangan professional sedia membantu dan memberi panduan serta tunjuk ajar kepada pengguna yang memerlukan khidmat nasihat. Panduan, bimbingan dan latihan secara berterusan turut disediakan bagi memastikan pengguna dapat memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin.